

Pengembalian Nilai

52 Bahagian Pelaburan

58 Bahagian Operasi

64 Bahagian Strategi

“ Komitmen yang tinggi diperlukan untuk mengamalkan nilai etika dan integriti untuk seluruh organisasi. ”

Tan Sri Azman Shah Haron

Pengerusi, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga

BAHAGIAN PELABURAN



DATO' MOHAMAD NASIR AB LATIF

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Bahagian Pelaburan mengurus dana pelaburan KWSP berpaksikan dua objektif utama pelaburan jangka panjang:

1. Melindung dan menambah nilai simpanan ahli, dan
2. Memastikan pulangan yang stabil dan konsisten untuk jangka panjang berdasarkan had risiko yang ditetapkan.

Dalam memastikan objektif ini tercapai, KWSP mempunyai dua sasaran strategik pelaburan; mengisytiharkan dividen nominal sekurang-kurangnya 2.50% pada setiap tahun dan mensasarkan dividen sebenar sekurang-kurangnya 2.00% melebihi inflasi bagi purata tiga tahun berturut-turut.

Bahagian Pelaburan terdiri daripada lapan jabatan yang bertanggungjawab ke atas pengurusan dana dan penyelidikan pelaburan. Jabatan yang bertanggungjawab ke atas pengurusan dana merangkumi Jabatan Perbendaharaan, Pasaran Modal, Ekuiti Domestik, Ekuiti Luar Negara dan Pasaran Persendirian. Peranan jabatan-jabatan ini diperkukuhkan oleh penyelidikan pelaburan dan khidmat nasihat oleh Jabatan Ekonomi & Pasaran Modal, Penyelidikan Ekuiti serta Kuantitatif & Analisa Prestasi.

SOROTAN PELABURAN

2015 merupakan tahun yang mencabar bagi KWSP. Kelembapan ekonomi dan pertumbuhan pasaran modal pada penghujung 2014 terus menjadi kebimbangan utama pada 2015 dan ditambah lagi oleh ketidakpastian serta ketidaktentuan sepanjang 2015. Penantian yang lama terhadap kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat yang akhirnya berlaku pada Disember 2015 telah membawa kepada peningkatan pada arah aliran modal daripada Pasaran Baru Muncul kepada Pasaran Maju, terutamanya oleh pelabur asing. Selain itu, kejatuhan harga minyak dunia bukan sahaja menjejaskan syarikat dalam sektor minyak dan gas, malahan juga mengakibatkan penurunan yang ketara pada perolehan negara-negara pengeksport minyak. Tahun ini turut menyaksikan penyusutan nilai mata wang utama dunia berbanding Dolar Amerika Syarikat (USD) termasuklah Ringgit Malaysia (MYR).

Sebagai sebuah tabung simpanan persaraan dengan saiz pelaburan mencecah RM684.53 bilion setakat 31 Disember 2015, KWSP tidak terkecuali daripada kesan kelembapan ekonomi dan ketidaktentuan pasaran. Namun, pelaburan jangka panjang dan pendiversifikasian pelaburan membantu kami menangani kesan tersebut dengan pendekatan pelbagai kelas aset berasaskan Alokasi Aset Strategik (SAA) KWSP. SAA telah dirangka dengan mengambilkira ketidaktentuan jangka pendek dalam ekonomi dan pasaran modal dan disemak semula setiap tiga tahun, dengan semakan terakhir dilaksanakan pada 2014.

Selaras dengan profil risiko dan pulangannya sebagai sebuah tabung persaraan, sebahagian besar daripada aset pelaburan kekal dalam instrumen berpendapatan tetap berisiko rendah yang memberikan aliran pendapatan yang stabil untuk jangka panjang, diikuti oleh ekuiti serta aset berkait inflasi. Setakat 31 Disember 2015, 51.1% daripada pelaburan KWSP telah dilaburkan dalam instrumen berpendapatan tetap, 43.8% dalam pelaburan ekuiti dan baki 1.9% serta 3.2%, masing-masing dilaburkan dalam instrumen pasaran wang serta kelas aset inflasi iaitu hartanah dan infrastruktur.

Pendedahan pelaburan luar negara KWSP telah meningkat daripada 23% pada 2014 kepada 25% pada 2015 terutamanya disebabkan oleh keuntungan daripada tukaran mata wang asing walaupun pasaran saham luar negara mengalami pertumbuhan negatif pada 2015. Selaras dengan polisi perakaunan KWSP, kesemua pendedahan kepada pelaburan ini dicatatkan dalam Ringgit Malaysia.

Kira-kira 15% daripada pelaburan KWSP diuruskan oleh pengurus dana luaran. Pada 2015, KWSP telah menyuntik tambahan dana sebanyak RM2.30 bilion kepada pengurus dana luaran yang melabur dalam kedua-dua ekuiti domestik dan instrumen berpendapatan tetap. KWSP akan terus menyalurkan sebahagian daripada dananya untuk diversifikasi, serta menyokong pembangunan industri pengurusan aset di Malaysia di samping membolehkan perpindahan pengetahuan dan kepakaran kepada anggota KWSP.

Pendedahan KWSP terhadap pelaburan patuh syariah meliputi pelbagai kelas aset adalah melebihi 40% daripada jumlah aset KWSP selaras dengan persediaan kami untuk memperkenalkan skim simpanan syariah pada 2017. KWSP turut memastikan kesemua pelaburan, termasuk pelaburan tidak patuh syariah, adalah berasaskan prinsip beretika. Ini melibatkan penyaringan keluar pelaburan dalam sektor alkohol, perjudian, senjata ketenteraan dan sebagainya.

PULANGAN PELABURAN DAN DIVIDEN

KWSP merekodkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM44.23 bilion setakat 31 Disember 2015, meningkat 13.2% berbanding RM39.08 bilion pada 2014. Ekuiti terus menjadi penyumbang utama pendapatan pada 2015 dengan 58.8% berjumlah RM26.01 bilion naik 13.5% berbanding RM22.91 bilion pada 2014. Portfolio Ekuiti Luar Negara memainkan peranan penting pada tahun 2015 dengan menyumbang lebih separuh daripada pendapatan pelaburan ekuiti.

Pelaburan KWSP dalam instrumen berpendapatan tetap terus menjana aliran pendapatan yang stabil. Kelas aset ini yang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) & Bon Sama Taraf serta Pinjaman & Bon menyumbang sejumlah 35.4% daripada RM44.23 bilion pendapatan pelaburan kasar yang dicatatkan pada tahun ini.

Kelas aset Inflasi iaitu hartanah dan infrastruktur menyumbang RM1.70 bilion kepada pendapatan pelaburan pada 2015, dengan kenaikan 22.2% berbanding 2014. Dalam kelas aset tersebut, pelaburan luar negara yang mula dilaksanakan pada 2010 telah memperlihatkan prestasi yang memberangsangkan dari tahun ke tahun dan mula menghasilkan pendapatan yang ketara pada 2015.

BAHAGIAN PELABURAN

Pendiversifikasian pelaburan KWSP ke luar negara dan dalam pelbagai mata wang dunia membolehkan KWSP mencatatkan keuntungan nyata yang ketara dari sumber bukan Ringgit yang menyumbang 48% daripada jumlah pendapatan pelaburan kasar sepanjang tahun laporan.

Pendapatan pelaburan kasar yang diperoleh pada 2015 merupakan justifikasi ke atas kepentingan KWSP untuk terus mendiversifikasi pelaburannya, bukan sahaja dalam pelbagai kelas aset, malahan juga dalam pelbagai negara dan pasaran. Walaupun korelasi antara pasaran global adalah tinggi, strategi pendiversifikasian ini membolehkan KWSP mengambil peluang untuk mengambil keuntungan di samping mencari pelaburan yang berpotensi pada nilai yang menarik.

Pendapatan pelaburan kasar yang dicatatkan adalah bersamaan dengan Kadar Pulangan Pelaburan (ROI) sebanyak 7.48%, iaitu 23 mata asas lebih tinggi berbanding 7.25% pada 2014. Sumbangan pendapatan oleh kelas aset ekuiti menjana ROI yang membanggakan pada 10.88%, menjadikan 2015 tahun kelima berturut-turut kelas aset ini mencatatkan ROI¹ dua angka.

Instrumen berpendapatan tetap terus mencatat ROI yang kompetitif sebanyak 5.09%, lebih tinggi berbanding kadar faedah semasa yang rendah dalam kedua-dua pasaran domestik dan global. Prestasi portfolio luar negara dalam kelas aset yang sama adalah disokong oleh hasil keuntungan daripada pertukaran mata wang asing. Kelas aset inflasi dan instrumen pasaran wang, masing-masing mencatatkan ROI pada 9.60% dan 4.43% pada 2015.

Selepas ditolak elau rugi terjejas bersih ke atas aset kewangan, kerugian tidak nyata yang disebabkan oleh pergerakan pertukaran mata wang asing dan harga instrumen derivatif, perbelanjaan pelaburan dan operasi, caj berkanun serta dividen atas pengeluaran, KWSP berupaya untuk mengisytiharkan dividen pada kadar 6.40%, yakni 35 mata asas lebih rendah berbanding 6.75% pada tahun sebelumnya. KWSP berjaya mencapai dua sasaran strategik pelaburannya untuk mengisytiharkan sekurang-kurangnya 2.50% kadar dividen nominal setiap tahun dan sekurang-kurangnya 2.00% kadar dividen sebenar untuk purata tiga tahun berturut-turut. Bagi 2015, kadar dividen sebenar untuk purata tiga tahun berturut-turut ialah 4.05%, 205 mata asas lebih tinggi daripada sasaran.

SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA (SKM) DAN BON SAMA TARAF

Setakat 31 Disember 2015, pegangan KWSP dalam SKM dan bon sama taraf adalah sebanyak RM178.11 bilion, iaitu RM13.95 bilion atau 8.5% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Kelas aset ini mewakili 26.0% daripada jumlah keseluruhan pelaburan KWSP, naik sedikit daripada 25.8% pada 2014. Kelas aset ini mencatatkan pendapatan pelaburan kasar RM7.18 bilion, meningkat 9.0% berbanding RM6.59 bilion pada 2014. Pertumbuhan ini adalah selaras dengan pertumbuhan tahunan saiz kelas aset ini dan ROI yang dicatatkan pada kadar 4.24%, rendah sedikit berbanding 4.28% pada tahun sebelumnya.

PINJAMAN DAN BON

Kelas aset yang merangkumi portfolio domestik dan global ini meningkat daripada RM159.90 bilion kepada RM171.70 bilion. Walaupun pada tahun ini terdapat beberapa pinjaman dan bon yang telah mencapai tempoh matang dan dibayar balik, namun terdapat juga langganan bon dan pembayaran pinjaman yang nilainya adalah signifikan pada 2015.

Pendapatan pelaburan kasar yang dicatatkan oleh kelas aset ini pada tahun 2015 adalah sebanyak RM8.48 bilion, naik 12.1% atau RM913.52 juta berbanding RM7.57 bilion pada 2014. Kenaikan ini turut terlihat dalam ROI, meningkat kepada 6.00% pada 2015 berbanding 5.13% pada 2014. Pelaburan berpendapatan tetap di peringkat global memberi sumbangan yang ketara kepada keseluruhan peningkatan ROI, berlatarkan Ringgit Malaysia yang menyusut nilainya berbanding mata wang asing utama dunia.

EKUITI

KWSP terus meningkatkan pegangannya dalam portfolio ekuiti yang terdiri daripada ekuiti tersenarai dan ekuiti persendirian dalam kedua-dua pasaran domestik dan global. Kelas aset ini meningkat daripada RM269.63 bilion pada 2014 kepada RM299.76 bilion setakat Disember 2015. Pengurus ekuiti domestik memanfaatkan kemerosotan pasaran dengan nilai pembelian melebihi jualan sepanjang tahun.

Kelas aset ini secara keseluruhannya menyumbang RM26.01 bilion pendapatan kasar, bersamaan 58.8% daripada jumlah pendapatan pelaburan kasar KWSP

pada 2015. Pendapatan tersebut adalah sebanyak RM3.10 bilion atau 13.5% lebih tinggi berbanding RM22.91 bilion yang dicatatkan pada 2014.

Sungguhpun pendapatan pelaburan kasar untuk kelas aset ekuiti mencatatkan pertumbuhan tahunan dua angka, peningkatan sebanyak 11.2% atau RM30.13 bilion pada saiz kelas aset ini telah menyebabkan pengurangan dalam ROI daripada 11.29% pada 2014 kepada 10.89% pada 2015. Walau bagaimanapun, perlu diambil maklum bahawa ini adalah tahun kelima berturut-turut kelas aset ini mencatatkan ROI dua angka.

INSTRUMEN PASARAN WANG

Walaupun kami menasarkankan untuk mengurangkan pegangan dalam kelas aset ini supaya dapat mengoptimalkan pulangan pelaburan, namun pada masa yang sama KWSP perlu mengekalkan baki tunai yang sihat untuk memenuhi keperluan pengeluaran ahli, perbelanjaan pentadbiran dan penggunaan pelaburan. Pada akhir tahun laporan, sebanyak RM12.94 bilion atau 1.9% daripada jumlah aset KWSP telah dilaburkan dalam instrumen pasaran wang, yang mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM858.18 juta atau ROI bersamaan 4.43%.

HARTANAH DAN INFRASTRUKTUR


Pelaburan Hartanah dan Infrastruktur memberikan pendapatan yang stabil dan berfungsi sebagai pelindung nilai terhadap inflasi. Melangkah ke hadapan, strategi jangka panjang KWSP adalah untuk meningkatkan pendedahan dalam kelas aset ini, yang merangkumi hartanah, infrastruktur serta sumber asli. Sepanjang tahun yang diulas, kelas aset ini mencatatkan pertumbuhan 14.8% atau RM2.84 bilion daripada RM19.18 bilion pada 2014 kepada RM22.01 bilion pada 2015.

Sebahagian besar daripada pelaburan KWSP dalam kelas ini dibuat menerusi syarikat bersekutu atau subsidiarinya, yang mana sebahagian besar daripada pendapatan pelaburan kasar bagi kelas aset ini adalah pendapatan dividen. Bagi tahun 2015, kelas aset inflasi mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM1.70 bilion, meningkat RM309.65 juta atau 22.2% berbanding RM1.39 bilion pada 2014. Pendapatan ini bersamaan dengan ROI sebanyak 9.60% pada 2015, naik 68 mata asas berbanding 8.92% yang dicatatkan pada 2014.

¹ (2011: 10.76%, 2012: 10.06%, 2013: 11.31% dan 2014: 11.29%).


BAHAGIAN PELABURAN

PENDEDAHAN LUAR NEGARA KWSP




BAHAGIAN PELABURAN

Alokasi Aset Strategik (SAA) Mengikut Kelas Aset Utama



Aset Pelaburan Berbanding Kadar Pulangan Pelaburan (ROI)



Aset Pelaburan	2015 (RM Bilion)	2014 (RM Bilion)	2013 (RM Bilion)
SKM dan Bon Sama Taraf	178.11	164.16	156.05
Pinjaman dan Bon	171.70	159.90	154.76
Ekuiti	299.76	269.63	251.60
Instrumen Pasaran Wang	12.94	23.67	13.08
Hartanah dan Infrastruktur	22.01	19.18	14.39

Pendapatan Kasar	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
SKM dan Bon Sama Taraf	7,180.46	6,587.31	6,206.44
Pinjaman dan Bon	8,479.28	7,565.76	7,509.89
Ekuiti	26,013.56	22,910.86	19,517.38
Instrumen Pasaran Wang	858.18	619.65	627.86
Hartanah dan Infrastruktur	1,702.55	1,392.90	1,138.79

BAHAGIAN PELABURAN

FOKUS ARTIKEL: INTEGRITI: SEKADAR SUATU ASPIRASI?

Integriti: Sekadar Suatu Aspirasi?

Integriti adalah melakukan perkara yang betul, walaupun ketika tiada sesiapa yang melihat.

C.S.Lewis

Tahun 2011 merupakan tahun yang ternyata menarik dalam dunia korporat Malaysia dengan penerbitan Ikrar Integriti Korporat (CIP) untuk syarikat dalam memerangi rasuah, memantapkan tadbir urus korporat, etika perniagaan serta tanggungjawab sosial korporat. Namun, setelah empat tahun berlalu, Malaysia masih dibayangi dengan pengurusan korporat yang lemah dan ketidakpercayaan umum. Sehubungan itu, Malaysia kini memberi penekanan lebih mendalam terhadap tadbir urus korporat dan integriti, termasuk peranan pemegang saham dalam mempengaruhi komposisi, tingkah laku dan keputusan lembaga.

Integriti adalah pendorong tingkah laku dan harus menjadi asas yang membentuk cara perniagaan dijalankan. Ia merangkumi ciri-ciri yang mewajarkan kebolehppercayaan dan menjamin rasa yakin di kalangan pihak berkepentingan. Namun demikian, ini lebih mudah diungkap daripada dipraktikkan. Ini kerana ia merupakan sikap semula jadi manusia untuk merasionalkan tindak-tanduk mereka. Contohnya, ramai pelajar sekolah tahu bahawa menipu adalah salah. Walau bagaimanapun, kaji selidik oleh Harvard Business Review menunjukkan bahawa seramai 95% pelajar sekolah menengah pernah terlibat dalam salah satu bentuk penipuan dan meremehkan perbuatan tersebut dengan menganggapnya sebagai "bukannya betul-betul menipu" atau "bukannya perkara besar" lantaran itu, merasionalkan tingkah laku mereka. Akibatnya, ia membawa kepada sebab kedua mengapa integriti menjadi amat sukar; setiap orang mempunyai definisi masing-masing tentang integriti. Keadaan ini dibesarkan lagi oleh perbezaan budaya, di mana dalam sesetengah perniagaan misalnya, memberi hadiah dan mendapat layanan istimewa adalah sesuatu budaya yang boleh diterima, bahkan dijangkakan, manakala dalam budaya lain ia dianggap sebagai rasuah.

Justeru itu, KWSP menjadikan integriti sebagai keutamaan untuk memastikan rangka tadbir urusnya mengandungi elemen integriti yang memacu prestasi. Tadbir urus dalaman KWSP meliputi struktur Lembaga, ketelusan dan pendedahan, pengurusan risiko, kawalan dalaman termasuk komunikasi bersama pihak berkepentingan. Indeks Tadbir Urus Korporat KWSP yang diasaskan pada 2007, berfungsi sebagai pengukur dan panduan kepada kami untuk melaksanakan amalan terbaik dalam Tadbir Urus Korporat (CG), meningkatkan ketelusan serta memantapkan pengurusan risiko. Selain itu, strategi pelaburan KWSP ditadbir oleh amalan pengurusan yang berhemat dan mematuhi prosedur serta garis panduan pelaburan yang diluluskan dan telah ditetapkan oleh Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan.

Lembaga yang efektif adalah yang menggalakkan visi, nilai dan integriti. Ini berkait rapat dengan KWSP yang merupakan pemegang amanah simpanan persaraan kepada lebih 14

juta ahli. Untuk memastikan keputusan yang dibuat tepat dan meningkatkan reputasi korporat termasuk hubungan bersama pelabur, diversiti ahli lembaga KWSP dapat membantu menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam penyelesaian masalah termasuk memberi pandangan yang bernas terhadap operasi KWSP.

KWSP merupakan antara agensi kerajaan yang menjadi pelopor dalam melaksanakan "Polisi Tiada Hadiah" yang melarang pemberian atau penerimaan hadiah antara warga kerja KWSP daripada pihak luar. Di samping itu, pengurus dana luaran KWSP dikehendaki mengisytiharkan kepentingan atau hubungan mereka dengan pihak yang berurusan niaga dengan mereka dalam syarikat pembrokeran saham bagi memastikan tidak wujud percanggahan. KWSP juga telah mewujudkan Polisi Pendedahan Maklumat serta Polisi 'Chinese Wall'. Pelaksanaan polisi ini diwujudkan untuk menghapuskan kejadian urusan niaga orang dalam dan memastikan bahawa semua urusan niaga yang dibuat oleh Bahagian Pelaburan dilakukan demi kepentingan KWSP, ahli serta pihak berkepentingannya.


Sungguhpun kewujudan semua proses di atas adalah penting untuk melindungi pelaburan KWSP, namun doktrin integriti tidak berakhir di sini. KWSP percaya bahawa tanggapan terhadap integriti juga haruslah berkait rapat dengan kemampunan sesebuah organisasi. Dalam keadaan dunia hari ini yang sedang melalui fasa perubahan sosioekonomi dan persekitaran yang mencabar, penerapan kemampunan dalam visi jangka panjang organisasi akan menempatkannya pada kedudukan perniagaan yang teguh agar dapat menjamin kelangsungan hidup generasi masa depan. Pemimpin perniagaan perlu memahami bahawa aspek kewangan dan kemampunan saling bergandingan dan merupakan imperatif perniagaan. Anggapan yang salah bahawa pelabur hanya mengambil berat harga saham, dan bukan kesan ke atas masyarakat telah jelas dibuktikan salah oleh tindakan tidak bertimbang rasa persaudaraan pelaburan dalam pasaran di seluruh dunia.

Sebagai sebuah tabung persaraan, serta salah satu daripada pelabur institusi terbesar di Malaysia, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab KWSP untuk mendukung integriti dalam amalan pelaburan dan memastikan bahawa ia turut dilaksanakan dalam semua syarikat-syarikat pelaburannya. KWSP juga merupakan antara lima pelabur institusi utama di Malaysia yang membangunkan Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi yang menggariskan prinsip umum untuk pengendalian berkesan dengan syarikat-syarikat pelaburan dan menguruskan konflik berkepentingan. Sehubungan dengan itu, pada 2015, KWSP merupakan perintis terhadap kaedah penarafan ekuiti korporat bagi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) agar dapat menyepadukan elemen kemampunan, tadbir urus dan integriti ke dalam proses pelaburannya. Mekanisme penarafan ini bukan sahaja tertumpu terhadap tadbir urus korporat, tetapi ia turut menasaskan untuk mendapatkan pandangan yang lebih holistik tentang prestasi sesebuah syarikat daripada sudut pandangan keperluan alam sekitar dan sosial. Pada tahun ini sahaja, KWSP telah menaraf 90 syarikat tersenarai awam (PLC), dan markah yang diperolehi akan membolehkannya menetapkan tanda aras yang membandingkan syarikat tersebut dengan rakan niaga yang lain. Sungguhpun masih ada ruang untuk menambah baik model ESG ini, KWSP percaya kaedah tersebut buat masa ini adalah memuaskan untuk mengenal pasti syarikat berprestasi tinggi yang mempunyai visi kemampunan yang teguh yakni dapat membantu KWSP mengoptimalkan pulangan kepada pihak berkepentingannya.

Julat Skala

Julat Skor(%)	Penarafan
0-44	Sangat Lemah
45-59	Lemah
60-79	Sederhana
80-89	Baik
90-100	Cemerlang

Pembahagian Penarafan




BAHAGIAN PELABURAN

FOKUS ARTIKEL: INTEGRITI: SEKADAR SUATU ASPIRASI?


Berbekalkan semangat aktivisme pemegang saham, KWSP telah mengambil tanggungjawab untuk merangka dan menerbitkan Prinsip Tadbir Urus Korporat dan Garis Panduan Pengundian KWSP pada 2010, dengan edisi semakan semula diterbitkan pada 2014. KWSP sedar bahawa skop Tadbir Urus Korporat bukan sahaja meliputi perbadanan dan penerbit, tetapi ia turut merangkumi pengawal selia, pembuat dasar dan lebih penting lagi, pelabur institusi. Oleh itu, sekiranya perlu, KWSP akan menengahkan isu yang timbul untuk ditangani atau dibincangkan oleh syarikat penerima pelaburan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah atau mesyuarat agung mereka. Selain kerap berhubung dengan syarikat penerima pelaburan, KWSP percaya bahawa mengundi, pada asasnya, merupakan salah satu instrumen paling penting dalam melaksanakan hak pemilikannya.

Keputusan pengundian dibuat berdasarkan Garis Panduan Pengundian KWSP dan dengan pertimbangan terhadap sifat unik sesebuah syarikat. Setakat 31 Disember 2015, KWSP telah mengundi sebanyak 1145 resolusi pada 164 Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa. Daripada jumlah tersebut, 15% daripadanya adalah undian menentang sesuatu resolusi. Berdasarkan carta pai di bawah, salah satu isu yang ketara dan paling menonjol adalah berkenaan kelulusan Yuran Pengarah yang mewakili 12% daripada jumlah undi menentang. KWSP berpendapat integriti Lembaga boleh dipersoalkan sekiranya yuran yang jauh lebih tinggi diberikan kepada Pengarah meskipun prestasi syarikat adalah lemah. Pemilikan aktif KWSP membantu mengukuhkan asas bagi perniagaan yang menguntungkan serta mewujudkan nilai yang mampan untuk jangka panjang.



Integriti bukanlah perkara yang mudah ataupun sesuatu yang ringkas untuk dijelaskan. Walau bagaimanapun, ia tidak harus dipandang sebagai sekadar suatu aspirasi atau ungkapan menarik dalam dunia korporat masa kini. KWSP berusaha untuk memupuk nilai tersebut, sama ada di kalangan mereka yang berada di barisan hadapan pelaburannya sehinggalah kepada pihak pengurusan KWSP sendiri. Imej KWSP sebagai sebuah tabung

persaraan banyak bergantung kepada kepercayaan pihak berkepentingannya. KWSP juga bangga menjadi contoh unggul sebagai pelabur institusi yang berintegriti; membina nilai mampan untuk pihak berkepentingannya. Walau apapun hakikatnya, KWSP tidak akan berpuas hati dan akan terus berusaha mencapai kecemerlangan dengan integriti. Memetik kata-kata Forbes, "Kejayaan akan datang dan pergi, integriti kekal selamanya".



BAHAGIAN OPERASI



DATO' MOHD NAIM DARUWISH

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Bahagian Operasi bertanggungjawab menguruskan fungsi pendaftaran, pengurusan akaun ahli dan majikan, bayaran caruman, pengeluaran, penamaan dan penguatkuasaan terhadap majikan gagal mencarum. Di samping itu, Bahagian ini juga mengurus dan mengawal selia fungsi operasi rangkaian perkhidmatan yang meliputi 68 cawangan KWSP di seluruh negara.

Bahagian ini juga melaksanakan fungsi sokongan pengurusan pejabat dan hartanah, transformasi operasi, perkhidmatan perundangan dan kesetiausahaan serta pematuhan pelaburan.

Perkhidmatan kepada pelanggan disediakan melalui pelbagai saluran antaranya, Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP, perkhidmatan kaunter, kios, saluran elektronik, 'mobile team', surat dan laman web.



“Untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, KWSP telah memperkenalkan piagam ‘Janji Kami’ bagi kesemua aktiviti teras operasinya sebagai panduan dan penanda aras mutu perkhidmatan kepada pelanggan.”

PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN


KWSP komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan terutamanya ahli dan majikan yang merupakan tunjang kepada kewujudan KWSP. Perkhidmatan yang ditawarkan pula adalah berkonsepkan cepat, tepat, mudah, berintegriti dan keberkesanan kos.

Untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, KWSP telah memperkenalkan piagam ‘Janji Kami’ bagi kesemua aktiviti teras operasinya sebagai panduan dan penanda aras mutu perkhidmatan kepada pelanggan.

Pendaftaran Ahli dan Majikan

Sejumlah 461,104 ahli telah didaftarkan pada 2015, menjadikan jumlah terkumpul keseluruhan ahli seramai 14,550,355. Jumlah majikan yang didaftarkan pada tahun 2015 adalah 66,639, meningkat 1.20% daripada 530,166 pada 2014 kepada 536,489 (setelah mengambil kira bilangan majikan batal). Secara purata, sejumlah 38,425 ahli dan 5,553 majikan baru didaftarkan pada setiap bulan sepanjang 2015.


Graf 1: Jumlah Ahli dan Majikan



BAHAGIAN OPERASI


Pengurusan Bayaran Caruman

Sepanjang tahun 2015, bayaran caruman sebanyak RM59,977.63 juta telah diterima dan diuruskan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 4.91% berbanding tahun 2014 disebabkan pertambahan bilangan ahli, majikan dan upah. Tahap kesedaran yang semakin tinggi di kalangan majikan dan pekerja termasuk aktiviti pengawalseliaan dan penguatkuasaan terhadap majikan yang gagal mencarum juga menyumbang kepada peningkatan ini. Bagi memudahkan majikan membuat bayaran caruman, KWSP turut menyediakan pelbagai saluran pembayaran seperti di kaunter KWSP, ejen bank, kios bayaran dan saluran elektronik.



Pengeluaran

Permohonan dan pemrosesan pelbagai jenis pengeluaran simpanan ahli yang digariskan di bawah Akta KWSP 1991 merupakan salah satu aktiviti utama di Bahagian Operasi. Sepanjang tahun 2015, 1,949,962 permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM44.01 bilion melalui pelbagai skim pengeluaran ahli. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 20.8% bilangan permohonan dan 31% amaun pengeluaran berbanding 2014.



Penguatkuasaan


Untuk melindungi kepentingan ahli, KWSP telah mengambil tindakan tegas tetapi berhemah untuk mengawal selia, menguatkuasa dan mengutip bayaran tertunggak daripada majikan. Kewujudan sistem teknologi yang mantap turut membantu mendapatkan maklumat terperinci majikan dan pekerja yang tepat dan terkini bagi tujuan ini.

Kesannya, kadar majikan gagal mencarum pada tahun 2015 turun ke 1.04% berbanding 1.10% pada 2014.

Pada tahun 2015 juga, sejumlah RM2.90 bilion bayaran caruman telah berjaya diperolehi melalui tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap majikan yang gagal mencarum dalam tempoh masa dan kadar yang ditetapkan. Di samping itu, sejumlah 1,836 pengarah syarikat dan pemilik perniagaan telah diambil tindakan larangan keluar negara di bawah seksyen 39 Akta KWSP kerana gagal melunaskan caruman KWSP pekerja yang tertunggak dan menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 9,960 orang pada 2015. Sejumlah 4,567 kes pendakwaan baru dan 963 kes guaman sivil telah didaftarkan di mahkamah sepanjang tahun 2015 terhadap majikan gagal mencarum.

Penamaan

KWSP juga terus memberi penekanan terhadap kepentingan ahli membuat penamaan untuk memudahkan waris mereka membuat pengeluaran simpanan sekiranya ahli meninggal dunia. Sebanyak 279,323 penamaan baru dicatatkan pada 2015, yang menjadikan bilangan terkumpul ahli yang membuat penamaan meningkat kepada 4,032,207 juta ahli.



BAHAGIAN OPERASI

Interaksi Pelanggan

Sepanjang tahun 2015, 46,467,644 transaksi pelanggan dibuat melalui Kaunter KWSP, Pusat Pengurusan Perhubungan, laman sesawang myEPF, kiosk, i-Akaun dan emel. Daripada jumlah ini, 1,053,304 interaksi ini adalah menerusi Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP.

Jadual 1: Interaksi Pelanggan Mengikut Saluran

Saluran	2015	2014	2013
myEPF	17,533,045	12,659,814	6,434,005
Kiosk	10,456,700	9,310,677	9,192,374
i-Akaun	12,655,924	7,275,364	3,924,026
Kaunter	4,768,671	5,130,451	5,276,466
Pusat Pengurusan Perhubungan (panggilan telefon)	997,491	853,886	776,166
Pusat Pengurusan Perhubungan (e-mel)	55,813	48,246	62,360
Jumlah	46,467,644	35,278,438	25,665,397



Impeccable service at EPF counter

ON Oct 2 at 3.50pm, I went to the KWSP office in Shah Alam to sort out some problems with my EPF contribution. For some reason, despite my salary being deducted for EPF, the amount was not showing up in my statement.

It turned out that my employer's EPF number had been deactivated after more than a year of inactivity. Furthermore, I was supposed to go to another branch where the account was registered if I wanted to resolve the problem.

But the staff who was the first to attend to me, Haslinda, took the extra effort to check with her senior officer, Norhisham, on how to proceed with my case. Norhisham gave the approval to see another officer, Zamani, who was extremely efficient and knowledgeable as he helped me sort things out.

Despite the fact that it was late on a Friday afternoon, they went above and beyond the call of duty and saved me the trouble of going to the Raja Laut branch, and quite possibly a second trip, due to the sheer amount of information needed to create a new account and have the cash transferred over.

Surat kepada Pengarang disiarkan di *The Star*, 9 Oktober 2015

Kajian Kepuasan Pelanggan

KWSP sentiasa berusaha untuk memastikan pelanggan yang berurusan diberikan perkhidmatan terbaik agar memenuhi ekspektasi mereka. Kajian kepuasan pelanggan telah dijalankan oleh Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP bersama konsultan bebas bertujuan untuk menilai terhadap tahap kepuasan pelanggan berdasarkan pengalaman mereka semasa dan selepas berurusan dengan KWSP. Pada 2015, kajian ini mendapati 94.74% pelanggan berpuashati dengan perkhidmatan KWSP.

Inisiatif Penambahbaikan Berterusan: Memahami keperluan dan kehendak baru

Perkembangan teknologi terus menjadi pencetus kepada perubahan secara dinamik bagi memenuhi perubahan masa dan ekspektasi. Ia juga merupakan pemangkin untuk menambah baik perkhidmatan, meningkatkan tahap produktiviti serta memberi informasi tepat dan terkini melalui pengumpulan data dan analisa.











Salah satu daripada kekuatan utama KWSP adalah kejayaan mengintegrasikan teknologi baru ke dalam sistem, proses dan prosedurnya. Beberapa tahun kebelakangan ini, demografi ahli KWSP telah berubah dengan pertambahan Gen Y mewakili tenaga kerja. Mereka ini yang juga dikenali sebagai 'Digital Natives' kini merupakan sebahagian besar daripada ahli aktif KWSP. Setakat 31 Disember 2015, 56% ahli aktif KWSP terdiri daripada golongan Gen Y dan menjelang 2020 ia dijangka meningkat kepada 68%.

Apabila jumlah ahli Gen Y meningkat, tahap ekspektasi mereka terhadap perkhidmatan turut sama meningkat. Oleh itu, langkah untuk penambahbaikan proses KWSP menjadi teras terhadap prestasi operasinya. Banyak perubahan telah dilaksanakan, kerana KWSP

sentiasa terus menambah baik perkhidmatannya untuk memastikan ia dapat memenuhi ekspektasi tinggi terhadap tahap profesionalisme dan kemudahan yang ditawarkan.

Pada 2015, KWSP meningkatkan perkhidmatan elektroniknya dan merevolusikan cara berurusan kepada ahli dan majikan. Berpegang teguh kepada nilai teras utama KWSP iaitu 'Utamakan Pelanggan', KWSP telah menambah saluran komunikasi untuk kemudahan ahli dan majikan berkonsepkan transaksi pada 'bila-bila masa' dan 'di mana-mana'.

Pengalaman dan Penyampaian Pelanggan: Saluran Omni

 <p>Kaunter 68 Cawangan 4.8 juta Pelanggan Setahun</p>	 <p>Kiosk 1,790 Unit</p>
 <p>Khidmat Nasihat Persaraan 7 Cawangan 6,419 Pelanggan Setahun</p>	 <p>Kiosk Bayaran Caruman 14 Unit</p>
 <p>Mobile Team 7 Pasukan 163,080 Pelanggan Setahun</p>	 <p>myEPF 17.5 juta Akses Setahun</p>
 <p>Mobile Office For Employer Management 200 Pemeriksa</p>	 <p>i-Akaun 2.0 juta Pengguna</p>
 <p>Pusat Pengurusan Perhubungan 76 Ejen</p>	 <p>Aplikasi Mudah Alih 429,328 Muat Turun Setakat 2015</p>

BAHAGIAN OPERASI

i-Akaun

i-Akaun merupakan produk yang menawarkan perkhidmatan kepada ahli dan majikan untuk menyemak caruman KWSP dan bayaran, status permohonan pengeluaran dan kelayakan serta mengemaskini profil ahli dan majikan. Pada 2015, sejumlah 2.0 juta ahli dan majikan telah mendaftar dan mengaktifkan i-Akaun mereka.

e-Pengeluaran

e-Pengeluaran membolehkan ahli menghantar permohonan pengeluaran mereka secara dalam talian. Setakat Disember 2015, sejumlah 28,151 ahli telah menggunakan kemudahan ini untuk menghantar permohonan mereka. Penambahbaikan kepada e-Pengeluaran yang bermula dengan kolaborasi bersama RHB Bank pada 2015, turut membuka ruang untuk penyertaan bank-bank lain seperti Maybank, Bank Islam, OCBC dan BSN.

e-Caruman

e-Caruman memudahkan majikan untuk menghantar bayaran caruman bulanan dan/atau butiran pekerja (Borang A) secara dalam talian. Kemudahan ini dipertingkatkan dengan kewujudan gerbang Financial Process Exchange (FPX), iaitu sistem bayaran dalam talian yang membolehkan majikan menggunakan akaun perbankan internet mereka secara 'real-time' bagi tujuan bayaran caruman dengan penglibatan 10 bank. Sebanyak 13,505 transaksi FPX telah dicatatkan sejak ia diperkenalkan.

Setakat akhir 2015, sejumlah 331,759 atau 75% majikan menggunakan kemudahan e-Caruman setiap bulan.

Memacu Kecemerlangan Inovasi

Adalah penting bagi KWSP untuk terus melakukan perubahan dengan memudah dan menambahbaik proses kerja dan operasinya. Pendekatan sistematik telah digunakan untuk memastikan proses penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan amalan industri. Bagi menyemai amalan ini, warga kerja KWSP telah dilatih untuk menggunakan kaedah terkini seperti Lean Six Sigma, Design Thinking, TRIZ, PDCA, Analisis Data, Business Model Canvas dan mengaplikasikan kaedah inovasi dalam projek mereka.

Bagi menyemai ciri-ciri inovasi, kakitangan KWSP digalakkan untuk membentuk Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) untuk menambah baik kaedah di dalam pengurusan kerja seharian. KIK merupakan medium untuk mereka membangunkan kemahiran inovatif dan kreativiti melalui proses pendidikan, latihan dan pengalaman bekerja. Sehingga kini, 23 projek KIK daripada Cawangan KWSP dan 10 projek KIK daripada program Accelerated Development Programme telah dilaksanakan di KWSP.

“Kemudahan i-Akaun, e-Pengeluaran dan e-Caruman diperkenalkan bagi mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan KWSP kepada ahli dan majikan.”



The image shows three promotional posters for KWSP services. The top poster is for 'e-Caruman' (e-Contribution), featuring a man at a computer and listing participating banks: AFFIN BANK, BANK ISLAM, HONG LEONG BANK, MUIBANK, PUBLIC BANK, RHB, and UOB. The middle poster is for 'e-Pengeluaran' (e-Payment), listing benefits like 'Pengeluaran untuk Mengurus/Menyudahkan Baki Pinjaman Perumahan' and 'Pengeluaran untuk Membayar Asuransi Bulanan Pinjaman Perumahan'. The bottom poster is for 'i-Akaun' (i-Account), showing a man using a tablet and mentioning 'Husi Turun Sekarang! App Store'.

The image is a snippet from a New Straits Times article. The headline is 'EPF's quick response is heartening'. The text describes a service issue where a contributor's information appeared in a newspaper, and the EPF management responded quickly and professionally. The article is signed by A. Hashim, Sungai Petani, Kedah.


Surat kepada Pengarang disiarkan di New Straits Times, 17 Jun 2015.

BAHAGIAN OPERASI

FOKUS ARTIKEL: INTEGRITI TERAS KECEMERLANGAN OPERASI



Maklumat Komunikasi



Integriti Operasi di KWSP

INTEGRITI TERAS KECEMERLANGAN OPERASI

KWSP sentiasa menitikberatkan amalan integriti untuk memberikan manfaat jangka panjang kepada pihak berkepentingan. Integriti adalah salah satu daripada empat teras utama KWSP yang menjadi pegangan kami dalam semua aspek kerja dan urusan bersama pelanggan. Setiap daripada kami secara peribadi bertanggungjawab terhadap tingkah laku termasuk kejujuran dan keadilan dalam semua aspek kerja selaras dengan piagam pelanggan 'Janji Kami' yang bertujuan untuk memberikan pengalaman yang terbaik kepada ahli dan pihak berkepentingan.

Sebagai pemegang amanah kepada simpanan persaraan ahli, KWSP sentiasa peka terhadap keperluan untuk tadbir urus terbaik dan semua aktiviti perlu dilaksanakan secara telus. Prinsip integriti korporat sentiasa diterapkan ke dalam hati dan minda semua warga kerja KWSP untuk mengekalkan kepercayaan dan keyakinan ahli serta pihak berkepentingan. Kod etika, garis panduan dan mekanisme kawalan dilaksanakan untuk memantau dan memastikan integriti tidak tercemar.

"Selaras dengan piagam 'Janji Kami' kami komited untuk memberikan pengalaman yang terbaik dan berintegriti kepada pihak-pihak berkepentingan."



INTEGRITI DALAM OPERASI

Aktiviti operasi KWSP dipantau berdasarkan prosedur dan garis panduan relevan yang ditetapkan bagi memastikan tiada pergerakan data secara tidak sah serta mengekang unsur-unsur penipuan dan salah laku. Di samping itu, konsep akauntabiliti dan ketelusan dipraktikkan pada setiap peringkat pemrosesan dan kelulusan. Melalui kaedah ini, warga kerja KWSP dapat menjalankan tugas harian dengan penuh integriti dan melaksanakannya

BAHAGIAN OPERASI


FOKUS ARTIKEL: INTEGRITI TERAS KECEMERLANGAN OPERASI

dengan betul. Ini amat penting memandangkan KWSP mengamalkan polisi toleransi sifar terhadap pelanggaran integriti dan etika. Keutamaan sentiasa diberikan untuk melindungi hak ahli dengan memastikan kaedah dan mekanisme yang mantap diwujudkan bagi melindungi simpanan ahli, meminimakan kehilangan dan mencegah aktiviti penipuan dan salah laku dengan melaksana dan menguatkuasakan mekanisme kawalan seperti yang dipaparkan dalam jadual di bawah:

PENCEGAHAN Untuk mencegah dan mengelakkan kemungkinan ancaman daripada berlaku 	1.	Akta Rahsia Rasmi - Mencegah pendedahan maklumat sulit
	2.	Akta Perlindungan Data Peribadi - Melindungi data peribadi pihak kepentingan
	3.	Polisi <i>Chinese Wall</i> - <i>The ethical barrier to avoid conflict of interest</i>
	4.	Dasar <i>Anti-Fraud</i> - Berurusan dengan salah laku yang berpotensi
	5.	Polisi <i>Whistleblowing</i> - Perlindungan kepada individu yang melaporkan salah laku dan aktiviti penipuan
	6.	Sistem Pengurusan Risiko - Menguruskan risiko utama
	7.	Manual Operasi- Manual kerja, panduan pengguna dan senarai semak
	8.	<i>Security Access Matrix</i> - Akses kepada maklumat sulit
	9.	Melaksanakan penambahbaikan kepada sistem dan prosedur
	10.	Penetapan KPI - memastikan tahap prestasi warga kerja KWSP
PENGESANAN Untuk mengenal pasti ancaman yang telah berlaku dalam sistem 	1.	Laporan Fraud Exception - Laporan automatik kepada aktiviti penipuan
	2.	Hotline <i>Anti-Fraud</i> dan <i>Whistleblowing</i> - Platform yang disediakan untuk membuat laporan terhadap kes-kes penipuan atau salah laku
	3.	Pemantauan Aduan - Memantau dan mengenal pasti kawasan yang terlibat
PEMBETULAN Untuk mengurangkan kesan ancaman yang telah berlaku 	1.	Penambahbaikan Dasar, Sistem, Prosedur, dan Struktur
	2.	Tindakan disiplin
	3.	Tindakan akauntabiliti seperti pemecatan
	4.	Laporan Polis

Pendekatan ini membolehkan KWSP mengawal perhubungan dalaman dan kebergantungan di antara beberapa proses kerja supaya pemantauan terhadap prestasi dan perkhidmatan keseluruhan dapat dilakukan. Ini juga disokong oleh dasar-dasar untuk menegakkan integriti dan pada masa yang sama mengekalkan tahap kepercayaan dan keyakinan tinggi orang ramai terhadap KWSP.

KWSP yakin bahawa pemimpin mestilah mempunyai nilai etika dan integriti yang tinggi. Komitmen pemimpin yang berpegang teguh terhadap integriti dan mematuhi polisi adalah penting untuk menghantar mesej jelas kepada warga kerja KWSP bahawa pengurusan memandang serius isu-isu berkaitan pelanggaran integriti, penipuan dan salah laku. Pelbagai inisiatif dan aktiviti komunikasi telah dilaksanakan untuk memastikan standard integriti yang tinggi diaplikasikan di kalangan warga kerja dan semua jabatan. Inisiatif ini juga membantu warga KWSP untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka, agar mereka dapat menguruskan sebarang isu-isu yang memerlukan perhatian mereka dengan berkesan.



Jumlah majikan gagal carum KWSP menurun

Jumlah majikan yang gagal mencarum ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menurun kepada 1.16 peratus pada suku keempat berakhir 31 Disember 2014. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) KWSP, Datuk Mohd Naim Daruwish, berkata penurunan itu mencerminkan kesedaran yang meningkat dalam kalangan majikan terhadap kesejahleraan persaraan pekerja mereka. "Kami juga tidak menafikan peranan yang dimainkan oleh golongan pekerja sendiri yang sentiasa membuat semakan KWSP mereka, telah membantu memastikan majikan mencarum bagi pihak mereka dan tepat pada masa," katanya. Beliau berkata, walaupun majikan kebanyakannya patuh dan memahami tanggungjawab untuk mencarum bagi pihak pekerja mereka, tetapi masih ada majikan yang mengabaikan tanggungjawab KWSP mereka dan membuat caruman dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi suku tahun dalam laporan, sejumlah RM310,000 denda dikumpulkan daripada 189 majikan yang diambil tindakan di bawah Seksyen 43 (2) Akta KWSP 1991. Sejumlah 278 kes sivil dan 816 kes jenayah



Five fined for fraudulent EPF withdrawals

KUALA LUMPUR: Five people who made fraudulent Employees Provident Fund (EPF) withdrawals were convicted between October and December, last year. In a statement issued yesterday, EPF Deputy Chief Executive Officer (Operations) Datuk Mohd Naim Daruwish said the suspects were fined a total of RM8,500 by the courts. He said they were charged and convicted under Section 59 of the EPF Act 1991 and the fines imposed on each offender ranged between RM1,200 and RM2,000. Under the Act, offenders face a maximum of three years

Artikel New Straits Times bertarikh 23 Januari 2015 mengenai kes penipuan pengeluaran KWSP.

Artikel Berita Harian, bertarikh 14 Mac 2015, melaporkan tentang penurunan jumlah majikan yang gagal mencarum, berdasarkan laporan suku tahun Operasi KWSP

BAHAGIAN STRATEGI



TUNKU ALIZAKRI RAJA MUHAMMAD ALIAS

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

KWSP berpandangan bahawa persaraan yang selesa bagi rakyat Malaysia merangkumi jaminan kewangan, kesihatan fizikal, mental dan emosi yang baik serta dapat menjalani kehidupan yang lebih bermakna. Oleh yang demikian, KWSP percaya dengan memperkasakan ahli, mereka mampu untuk merancang persaraan mereka sendiri. Bagi mencapai hasrat ini, KWSP secara aktif telah bekerjasama dengan Kerajaan untuk membangunkan polisi perlindungan sosial yang kukuh, kerana ia merupakan kunci kepada hasrat KWSP untuk mencapai visinya sebagai organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia.

Selaras dengan visi menyediakan simpanan persaraan yang terbaik untuk ahlinya, Bahagian Strategi ditugaskan untuk mengurus dan menyelaras beberapa aktiviti utama KWSP:

- memahami lanskap persaraan semasa dan masa hadapan rakyat Malaysia serta dapat memberikan maklum balas yang bernas berkaitan polisi.
- berkomunikasi, berhubung dan mendidik pihak berkepentingan yang berkaitan mengenai isu persaraan.
- merancang, menyedia dan menentukan kedudukan organisasi agar dapat memenuhi mandatnya serta objektif dari jangka masa pendek hingga jangka masa panjang.
- menyediakan infrastruktur modal insan yang terbaik dan berupaya menjadikan KWSP sebagai salah satu daripada organisasi terpilih di Malaysia.

RANGKA KERJA PELAN STRATEGIK: RANCANGAN BOLEH PINDA 5 TAHUN YANG DINAMIK

KWSP beroperasi dalam keadaan yang amat mencabar, kerana tuntutan ahli yang sentiasa berubah, isu ketidakcukupan simpanan persaraan, tekanan pengawalseliaan, ketidakpastian pasaran, risiko jangka hayat yang kian meningkat serta perubahan teknologi yang mendadak. Untuk menangani cabaran ini, KWSP telah merangka pelan hala tuju strategik dalam usahanya untuk menjadi organisasi bertaraf dunia dengan budaya yang mengutamakan prestasi. KWSP juga telah meletakkan tahap piawai yang tinggi bagi tadbir urus korporat, amalan pengurusan risiko, proses dan infrastruktur untuk memastikan pelanggannya mendapat pengalaman yang terbaik.

KWSP juga telah merangka rancangan boleh pinda untuk membolehkannya melihat ke hadapan selaras dengan aspirasi kami. Rancangan Boleh Pinda 5 tahun 2016-2020 mencerminkan fokus dan penekanan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan, tahap automasi dan kompetensi.

Rancangan Boleh Pinda 5 Tahun 2016-2020 termasuk disokong oleh enam lunsas strategi, antaranya Kecemerlangan Pelaburan, Kecemerlangan Operasi, Kecemerlangan Pelanggan, Kesejahteraan Persaraan, Pembangunan Insan dan Keupayaan ICT. Kesemuanya bertujuan meningkatkan prestasi KWSP serta menambah nilai kepada ahli dan pihak berkepentingan. Perkara yang termasuk di dalam Rancangan Boleh Pinda 5 Tahun 2016-2020, ialah projek-projek utama yang bakal mengubah model perniagaan dan operasi KWSP seperti berikut:

- | | |
|----|--|
| 1. | Memperkenalkan Pilihan Simpanan Syariah pada 2017 |
| 2. | Menambahbaik e-Perkhidmatan |
| 3. | Proses, Polisi dan Prosedur Kerja yang dipermudah untuk meningkatkan kecekapan dalaman |
| 4. | Memperluaskan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) di seluruh negara |
| 5. | Mempunyai tahap celik kewangan yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia |





“Proses perancangan yang mantap dengan strategi tadbir urus pelaksanaan melalui Majlis Strategi dan Bakat telah memudahkan proses kerja di lima jabatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memacu kecekapan operasi KWSP. Selain itu, Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) juga telah diperluaskan daripada dua ke lima lagi cawangan dengan 23 pegawai ditugaskan untuk memberi khidmat nasihat kepada ahli.”

Untuk memastikan pelaksanaan strategi seperti mana yang terkandung di dalam Rancangan Boleh Pinda 5 Tahun 2016-2020, KWSP menggunakan Kad Skor Seimbang untuk memacu dan mengukur prestasi yang disokong oleh proses pemantauan mantap dan berstruktur. Rancangan strategik ini diselaraskan dengan proses bajet untuk memastikan alokasi sumber yang bersesuaian. Untuk membawa semua warga kerja KWSP ke arah satu matlamat yang sama, Rancangan Boleh Pinda 5 Tahun telah disampaikan dan dikongsikan kepada semua warga KWSP melalui pelbagai saluran seperti Taklimat Umum bersama Ketua Pegawai Eksekutif, mesyuarat pengurusan di peringkat negeri atau wilayah dan turut dibantu oleh modul pembelajaran secara dalam talian serta komunikasi melalui emel mengenai sebarang perkembangan terbaru.

Proses perancangan yang mantap dengan strategi tadbir urus pelaksanaan melalui Majlis Strategi dan Bakat telah memudahkan proses kerja di lima jabatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memacu kecekapan operasi KWSP. Selain itu, Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) juga telah diperluaskan daripada dua ke lima lagi cawangan dengan 23 pegawai ditugaskan untuk memberi khidmat nasihat kepada ahli.

BAHAGIAN STRATEGI

PRESTASI KAD SKOR KORPORAT DISEMBER 2015

Perspektif	Objektif Strategik (SO)	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Pencapaian		
 Pelanggan/Pihak Berkepentingan	Meningkatkan Pengalaman Pelanggan	Penarafan Mystery Shopper	90.53%		
		Penarafan Pengalaman Pelanggan	96.79%		
		Skor bersih pengalaman	96.91%		
	Memastikan Keselamatan Persaraan Ahli	% Ahli Aktif dengan Simpanan Asas	38%		
		% Ahli Berumur 55-60 memilih Pengeluaran Fleksibel bagi Pengeluaran Pertama mereka	30%		
 Kewangan	Mengoptimumkan Pulangan Pelaburan Berdasarkan Risiko	Pulangan Pelaburan Berdasarkan Risiko	0.072%		
		Kadar Dividen Sebenar untuk Tempoh Tiga Tahun Berturut-turut	4.05%		
	Menyediakan Pengurusan Pengurusan Kos	Perbelanjaan Purata bagi setiap Aset di bawah Pengurusan (AUM)	0.269		
 Proses Dalaman	Meningkatkan Kecekapan	% Indeks Kecekapan Proses Teras	96.49%		
		% Indeks Kadar Kesilapan Proses Teras	0.54%		
		% Mengenal pasti Proses Utama disemak, direka bentuk semula dan dilaksanakan	90.00%		
	Saluran Perkhidmatan untuk ahli	Perkhidmatan oleh KWSP	Perkhidmatan oleh KWSP	18.83%	
			Perkhidmatan oleh ejen (pihak ketiga)	2.36%	
			Perkhidmatan layan diri (dalam talian & Kios)	78.81%	
		Saluran Perkhidmatan untuk Majikan	Perkhidmatan oleh KWSP	Perkhidmatan oleh KWSP	23.77%
				Perkhidmatan oleh ejen (pihak ketiga)	38.18%
				Perkhidmatan layan diri (dalam talian & Kios)	38.05%
	Meningkatkan Pengurusan Pihak Berkepentingan	Bilangan Bersih Polisi yang diluluskan/dilaksanakan oleh Kerajaan	9		
		Indeks Celik Kewangan (Kesedaran & Pemahaman)	100%		
		Penarafan Keberkesanan Komunikasi (termasuk Skor Bersih Kepercayaan)	85.06%		
		Nilai Positif Bersih Liputan Media ke atas Pelaburan Media	1.50		
	Meningkatkan Tadbir Urus Korporat	Indeks Tadbir Urus Korporat	98%		
		Penarafan Audit Kerajaan	4		
Pengurusan Efektif Risiko dan Pematuhan Strategik	Indeks Strategik Risiko Budaya	94.31%			
	Penarafan Audit Dalam	93.3%			
 Keupayaan Organisasi	<i>Living Our Values Everyday</i>	Penarafan Nilai	94%		
	Meningkatkan Pengurusan Modal Insan	Indeks Modal Insan	74.93%		
		<i>Ranking of Malaysia's 100 Leading Graduate Employers</i>	116		
	Meningkatkan Keupayaan ICT	Indeks Perkhidmatan ICT	Ketersediaan Sistem	99.99%	
			Prestasi sistem	96.44%	
			Insiden Keselamatan Sifar	0	
Indeks Ketersediaan ICT	6.75				

BAHAGIAN STRATEGI

MENANGANI ISU YANG DIHADAPI MENGENAI KESELAMATAN SOSIAL NEGARA

Malaysia diunjur akan menjadi sebuah negara menua menjelang 2030, di mana 14% daripada penduduknya berumur 60 tahun dan ke atas. Seiring dengan jurang umur persaraan dan jangka hayat yang kian meningkat, terdapat keperluan yang semakin mendesak untuk mengubah polisi dan pembangunan infrastruktur di peringkat negara bagi meningkatkan simpanan ahli. Paling membimbangkan ialah statistik setakat 31 Disember 2015 yang menunjukkan hanya 38% (2.8 juta orang) ahli aktif telah mencapai amaun Simpanan Asas sebanyak RM196,800. Data juga menunjukkan 65% ahli yang berumur 54 tahun (163,252 orang) mempunyai kurang daripada RM50,000 dalam akaun KWSP mereka dengan andaian bahawa mereka tidak mempunyai sumber pendapatan atau simpanan lain, di mana amaun ini akan habis dalam tempoh lima tahun sekiranya ia dibelanjakan di bawah RM820 sebulan.

Kadar caruman minimum 24% meletakkan Malaysia sebagai negara kelima tertinggi di dunia. Namun, ia masih tidak dapat menangani isu ketidacukupan simpanan persaraan yang juga memberikan cabaran terbesar kepada pekerja-pekerja di Malaysia untuk merancang persaraan mereka disebabkan gaji yang rendah.

Malaysia telah memperuntukkan antara dua ke tiga peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi pembangunan infrastruktur Perlindungan Keselamatan Sosial. Perbezaan yang ketara ini amat berbeza sekali jika dibandingkan dengan negara maju terutama daripada negara di Eropah Barat yang memperuntukkan secara purata 27% daripada KDNK menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).



Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)

Negara-negara	Peratusan
Perancis	33.0
Denmark	28.7
Sweden	28.1
Jerman	26.2
United Kingdom	23.8
Amerika Syarikat	20.0
Kanada	18.8
Jepun	18.2
Australia	16.9
Brazil	14.4
Vietnam	4.9
China	3.7
India	3.0
Malaysia	3.0
Thailand	0.3

Mesyuarat Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN 2015 ke-32



Dengan mengambil kira isu ini, KWSP bersama dengan agensi-agensinya dan badan-badan yang berkaitan isu keselamatan sosial telah mencadangkan idea untuk menubuhkan sebuah badan kebangsaan bagi menyelaras perkara berkaitan keselamatan sosial yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian-kementerian, agensi-agensinya dan pihak berkepentingan keselamatan sosial utama serta untuk memastikan pembangunan holistik terhadap sistem dan infrastruktur keselamatan sosial di Malaysia. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan infrastruktur ini akan membantu Kerajaan untuk mendapatkan pandangan yang menyeluruh akan keperluan keselamatan sosial yang perlu ada bagi negara dan rakyatnya, termasuk menyediakan mekanisme yang berkesan untuk memastikan bantuan yang tepat dapat diberikan kepada mereka yang memerlukannya. (Rujuk Senario Terkini Persaraan di Malaysia). Namun, begitu KWSP percaya bahawa masih terdapat banyak lagi langkah-langkah penting yang perlu diambil tindakan segera, untuk memastikan

BAHAGIAN STRATEGI

Malaysia tidak berhadapan dengan cabaran yang kritikal sepertimana yang dialami oleh negara maju yang lain pada masa lalu. Beberapa langkah telah diambil seperti antaranya, pengumuman yang dibuat dalam Ucapan Bajet 2016 oleh Kerajaan untuk meningkatkan gaji minimum di Semenanjung Malaysia (RM900 ke RM1,000) dan Malaysia Timur (RM800 ke RM920).

Tahun ini turut menyaksikan KWSP memperkukuhkan hubungan global dan hubungan bersama badan-badan keselamatan sosial dunia dengan pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan sebagai Pengerusi Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA), dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Strategi) Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias sebagai Setiausaha Agung persatuan tersebut. KWSP juga telah mengambil kesempatan untuk menganjurkan Sesi Bertukar Pendapat ASSA, di mana dalam sesi ini, ahli ASSA dijemput untuk berkongsi pengalaman mereka dalam memperbaharui sistem keselamatan sosial negara mereka masing-masing. Bersempena dengan sesi tersebut, KWSP telah bekerjasama dengan JP Morgan untuk menganjurkan Persidangan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSC) 2015, di mana pakar-pakar global telah dijemput berucap untuk berkongsi pengalaman mereka, idea dan kisah kejayaan berkaitan isu keselamatan sosial dan persaraan. Persidangan ini berjaya menarik 450 peserta dari seluruh dunia, terutamanya ahli Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) serta Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA).

MENGURUSKAN EKSPEKTASI AHLI DAN PERSEPSI ORANG RAMAI

Tahun ini menyaksikan KWSP telah menganjurkan inisiatif rundingan awam yang terbesar dalam negara. Objektif rundingan ini adalah untuk mendapatkan maklum balas mereka berhubung dengan beberapa cadangan untuk menambah baik skim persaraan sedia ada KWSP. Lebih daripada 96,000 maklum balas diterima yang jelas menunjukkan keputusan rundingan tersebut mewakili ahli KWSP dengan 0.35 peratus jidar selisih.

Untuk maklumat lanjut, baca Fokus Artikel: Ketelusan Meningkatkan Simpanan Persaraan Ahli, muka surat 70.

KWSP juga pada tahun ini telah secara aktif berhubung dan berkomunikasi mengenai inisiatif utama untuk meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan ahli dan pihak berkepentingannya melalui pelbagai aktiviti seperti taklimat awam di seluruh negara. Setakat 31 Disember 2015, sejumlah 127 sesi taklimat awam telah diadakan dengan jumlah penyertaan yang mencecah 7,500 orang yang meliputi topik berkaitan produk dan skim KWSP, kepentingan merancang persaraan, maklumat terkini mengenai Reformasi Pencen dan Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M) yang merupakan caruman sukarela bagi mereka yang berada di dalam sektor tak formal.

Selain itu, terdapat juga kerjasama yang erat bersama media selaras dengan objektif untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran di kalangan orang awam mengenai isu berkaitan perancangan kewangan dan persaraan yang disasarkan bukan sahaja kepada ahli yang hampir bersara tetapi golongan muda profesional yang baru sahaja mula bekerja. Antara kerjasama ini termasuk Bual Bicara mengenai Persaraan, kapsul TV dan Radio serta sebuah rancangan mingguan dengan 10 episod "Let's Du-it" untuk menarik minat penonton golongan muda mula merancang persaraan mereka dengan lebih awal. Pihak media juga turut membantu mempromosikan penggunaan kalkulator Simpanan dan Persaraan KWSP (boleh didapati di laman web rasmi KWSP, www.kwsp.gov.my), serta meningkatkan kesedaran berkaitan pilihan Skim Pelaburan Ahli (SPA) KWSP.



Artikel The Star mengenai Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) di Kota Kinabalu, Ipoh dan Kuantan pada 3 November 2015.



KWSP dan rakan strategik AKPK dan PPA bekerjasama menyediakan penceramah untuk sembilan siri "Bual Persaraan" sepanjang suku keempat 2015 dengan sokongan editorial daripada The Star.

Media juga turut memainkan peranan penting dalam menyokong usaha KWSP meluaskan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) di seluruh negara. RAS memberikan Khidmat Nasihat secara percuma kepada ahli untuk membuat keputusan tepat berkaitan simpanan KWSP mereka serta panduan bagaimana untuk memastikan simpanan mereka dapat bertahan lebih lama sepanjang tempoh persaraan mereka. Berikutan kejayaan pelancaran projek rintis RAS di Cawangan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya pada 1 Julai 2014, kini ahli yang menetap di Seberang Jaya, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Ipoh dan Kuantan boleh mendapatkan khidmat RAS di cawangan terlibat. Setakat 31 Disember 2015, RAS telah menerima lebih 9,000 pengunjung dengan penarafan tahap kepuasan secara keseluruhan berjumlah 99%.

KWSP seterusnya membawa agenda celik kewangan dengan bekerjasama rapat dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti promosi di pelbagai agensi bersama-sama dengan rakan strategik yang lain seperti Bank Negara Malaysia melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Pentadbir Pencen Swasta (PPA) serta Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).



"Let's Du-it" dengan 10 episod yang memberi cabaran kepada peserta untuk membuat keputusan kewangan yang terbaik, disiarkan setiap Sabtu, 11.00 malam di TV3.

BAHAGIAN STRATEGI

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR MODAL INSAN YANG BERSESUAIAN – MENGIKUT KEMAMPUAN DAN KEPERLUAN

Untuk mencapai aspirasi KWSP dalam mempunyai modal insan yang terbaik di dalam industri, beberapa pelan telah dirangka untuk membantu mewujudkan pembangunan dan mengekalkan sumber modal insan yang dinamik dan berprestasi tinggi. KWSP percaya bahawa warganya perlu diberikan kemahiran yang tepat, latihan dan pendedahan yang berkaitan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. KWSP juga telah melaksanakan program di seluruh organisasi untuk memastikan warga kerjanya mendapat pensijilan rasmi di dalam sesuatu bidang kerja dan penekanan juga turut diberikan terutama kepada kakitangan yang bukan eksekutif untuk menentukan hala tuju kerjaya mereka. KWSP turut melaksanakan Pelan Peralihan Kerjaya khas untuk warganya yang berumur 40 tahun dan ke atas untuk mengejar peluang yang ada di luar organisasi. Langkah ini membuka peluang untuk kakitangan muda yang berkecukupan untuk mengisi kekosongan serta memikul tanggungjawab yang lebih besar sekaligus memberi manfaat kepada mereka samada dari segi pengalaman atau pun sumbangan mereka kepada KWSP.

Program Pensijilan Pada 2015

KWSP turut memberikan tumpuan untuk meningkatkan kemahiran kakitangannya, terutama mereka yang bukan eksekutif agar dapat memberi persediaan kepada mereka untuk berhadapan dengan cabaran baru yang dihadapi oleh organisasi. Sijil Pentadbiran Pejabat (COA) telah dirangka untuk pembangunan peribadi kakitangan bukan eksekutif bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kecekapan yang diperlukan di samping menjadi prasyarat untuk dipertimbangkan dalam kenaikan pangkat. Peserta COA perlu menyempurnakan sekurang-kurangnya satu modul i-Pembelajaran seperti Visi dan Misi, satu kursus Hala Tuju Pembelajaran Korporat (CLRM) dan mendapat markah lulus penilaian keseluruhan sebanyak 70. Sebanyak 180 peserta telah menghadiri lima sesi pada 2015, dengan jumlah kehadiran yang mencatatkan 100 peratus untuk setiap sesi dan purata taraf keberkesanan secara keseluruhan sebanyak 84 peratus.

Bagi memastikan platform penyampaian ilmu yang mantap, seramai 33 eksekutif ELC telah menghadiri Program Pelatih Profesional Bertauliah (CTP), yang dikendalikan oleh Asian Regional Training and Development Organisation (ARTDO) dengan kerjasama Institut Latihan dan Pembangunan (ITD).

ARTDO merupakan sebuah badan antarabangsa dengan keahlian yang terdiri daripada pertubuhan kebangsaan, institusi pendidikan, perbadanan

multinasional, syarikat awam dan swasta, pakar pengurusan Sumber Manusia dari lebih 30 buah negara di seluruh dunia. ELC telah mengambil Keahlian Seumur Hidup ARTDO untuk memastikan ia sentiasa peka terhadap perubahan terkini yang berlaku di dalam pembelajaran dan pembangunan.

Pensijilan tersebut diberikan, setelah peserta menyempurnakan lima modul program pembangunan kecekapan berasaskan kemahiran selama 10 hari. Sebagai tambahan, peserta dikehendaki untuk menghantar satu set laporan sebagai indikasi bahawa peserta telah memperlihatkan dan mengguna pakai set kecekapan latihan dalam persekitaran sebenar berkaitan kerja dalam tempoh penilaian 90 hari pasca-latihan.

Setakat 31 Disember 2015, KWSP telah mendapat kepakaran dalam bidang-bidang seperti di bawah:

Pensijilan	Bilangan Kakitangan
1. Certified Training Professional (CTP)	12
2. Shariah Registered Financial Planner	2
3. Chartered Financial Analyst (CFA)	8
4. STQB Certified Tester Foundation (CTFL)	4
5. Certified Tester Advanced Level test Analyst (CTL-TA)	1
6. Certification in Leading Strategic HR Transformation and Talent Management	1
7. Australian HR Institute Professional Certification	3
8. Sijil Agensi Harta Tanah	2
9. Certified Coaching & Mentoring Professional	1

Program Latihan Khusus untuk Pembangunan Modal Insan

Untuk memenuhi keperluan kakitangan yang baharu dan bakat Gen-Y, KWSP telah menambah baik program pembangunan modal insan samada dari segi memantapkan pengalaman pembelajaran, memadankan gaya dan kehendak pembelajaran kakitangan di samping melaksanakan program pembangunan dan pelaksanaan pembelajaran khusus untuk bakal-bakal pemimpin KWSP.

Program 'onboarding' yang telah ditambah baik sebenarnya direka untuk membantu kakitangan baru bagi mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku yang diperlukan dalam cara yang pantas dan kondusif. Sebelum menyertai kursus, peserta dikehendaki menyempurnakan tiga (3) modul i-Pembelajaran yang merangkumi Visi dan Misi KWSP, Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCM), Kesedaran Keselamatan ICT. Program ini turut menggunakan kombinasi kaedah pembelajaran termasuk sesi bilik darjah dan pembelajaran melalui pengalaman seperti lawatan, pemerhatian ke KWSP hub, aktiviti tanggungjawab korporat, kerja berpasukan termasuk tugas projek. Pada 2015, dua sesi telah diadakan dengan sebanyak 162 peserta (41 eksekutif dan 121 bukan eksekutif) dengan tahap purata keberkesanan 76 peratus.

Pejabat wilayah ELC di Kuching telah ditubuhkan pada 4 Februari 2015 untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada kakitangan terutamanya mereka yang berada di Sabah dan Sarawak. ELC Kuching kini,

menawarkan khidmat nasihat berkaitan latihan, mencari dan melantik fasilitator latihan tempatan, mempromosikan aktiviti latihan dan mengenal pasti isu yang perlu dimaklumkan kepada ibu pejabat ELC untuk penjelasan dan penyelesaian.

Accelerated Development Programme (ADP)

ADP yang telah dilancarkan pada 2015 dengan objektif untuk melahirkan pemimpin yang berkualiti bagi memenuhi keperluan modal insan yang terkini dan masa hadapan. Program dua tahun ini, dibahagikan kepada tiga kumpulan sasaran - kumpulan kanan, kumpulan baharu muncul dan kumpulan peringkat kemasukan. Mereka ini didedahkan dengan pelbagai program pembangunan yang direka untuk memperkukuhkan dan meningkatkan tahap kompetensi, pemikiran global dan mempertingkatkan ciri-ciri dan kemahiran kepimpinan. Sebanyak 113 peserta daripada pelbagai jabatan di semua tiga bahagian terlibat di dalam program ini, yang berdasarkan pendekatan 70:20:10 dengan 70% pembelajaran berasaskan pengalaman, 20% pembelajaran secara kolaborasi dan 10% Pembelajaran berasaskan Bilik Darjah. Aktiviti program termasuk, lawatan syarikat, Jamuan Tengah Hari bersama Ketua Pegawai Eksekutif, pementoran dan bimbingan. Pembelajaran berasaskan Bilik Darjah merangkumi kelas Program Kesejahteraan, Analisis Kewangan, Perancangan Strategi, Nilai Bersama, Memahami Perniagaan Dalam dan Celik Kewangan. Program ADP telah menerima maklum balas positif terutama daripada peserta termasuk pihak pengurusan dengan penarafan Kepuasan 95%.


BAHAGIAN STRATEGI

KOMPOSISI KAKITANGAN


“KWSP berpendapat kunci utama budaya kerja yang berprestasi tinggi ialah campuran keseimbangan antara jantina, pengalaman, umur dan bangsa di dalam organisasi.”

Selaras dengan budaya KWSP iaitu pembelajaran dan penambahbaikan berterusan, setakat 31 Disember 2015 lebih 77%, atau 4,312 daripada 5,576 warga kerja KWSP mempunyai sijil daripada institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara. Selain itu, KWSP juga telah menyediakan gabungan modul ‘layan diri’ dan pembangunan pembelajaran terbimbing dalam usahanya untuk membantu kakitangannya agar dilengkapi dengan kemahiran yang tepat.


Pecahan mengikut Jantina




Pecahan jantina mengikut Kumpulan Eksekutif



Pecahan jantina mengikut Kumpulan Bukan Eksekutif



Pecahan mengikut Tahap Pendidikan



100%

Jumlah 5,576 kakitangan KWSP

Pecahan mengikut Kumpulan Umur	Baby Boomers		Gen X		Gen Y		Jumlah
	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	
Eksekutif	24%	224	18%	579	27%	381	1,184
Bukan Eksekutif	76%	728	82%	2,610	73%	1,054	4,392



Semasa kejadian banjir, barangan bantuan telah dihantar ke tempat terjejas dan kakitangan KWSP turut bersama-sama membantu membersihkan cawangan terlibat.

KEJADIAN LUAR BIASA 2015: BANJIR

Beberapa kejadian banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia pada akhir 2014 dan awal tahun 2015 tidak mematahkan semangat warga kerja KWSP untuk melaksanakan tugas mereka. Bagi mengiktiraf usaha mereka, pihak Pengurusan telah menubuhkan “Tabung Bencana Banjir KWSP” dengan kerjasama erat yang melibatkan Kelab KWSP, Persatuan Pegawai Kanan, Kesatuan Sekerja KWSP, Puspanita (Persatuan Wanita KWSP), serta Persatuan Kakitangan Islam. Sebanyak RM157,500.00 telah dapat dikumpulkan termasuk sumbangan peribadi daripada kakitangan KWSP sendiri.

Selain itu, Pusat Pengumpulan telah ditubuhkan yang bertempat di Ibu Pejabat KWSP, Kuala Lumpur. KWSP Petaling Jaya dan ELC, Bangi. Tiga pasukan sukarelawan kakitangan KWSP telah pergi ke kawasan yang terjejas teruk seperti Tanah Merah dan Kuala Krai, Kelantan dari 8 hingga 10 Januari 2015 untuk menghantar barangan bantuan, makanan serta wang yang disumbangkan oleh Kakitangan dan pihak Pengurusan KWSP kepada kakitangan di kawasan yang terlibat termasuk membantu membersihkan rumah-rumah mereka yang dilanda banjir.

BAHAGIAN STRATEGI

FOKUS ARTIKEL: KETELUSAN DALAM MENINGKATKAN SIMPANAN PERSARAAN AHLI

Kempen Rundingan Ahli 2015

Kempen Rundingan yang dijalankan dari 21 April hingga 5 Mei 2015 adalah untuk mendapatkan input dan maklum balas daripada ahli KWSP berkaitan beberapa cadangannya untuk menambahbaik skim persaraan sedia ada KWSP. Rundingan ini meliputi empat inisiatif utama seperti berikut:

Rundingan ini meliputi empat inisiatif utama seperti berikut:

<p>INISIATIF PENAMBAHBAIKAN 1</p>	<p>Cadangan 1: Untuk meningkatkan umur pengeluaran simpanan persaraan daripada umur 55 tahun ke 60 tahun; atau Cadangan 2: Untuk mengekalkan pengeluaran penuh pada umur 55 tahun, dengan caruman baharu selepas umur 55 hingga 60 tahun hanya boleh dikeluarkan pada umur 60 tahun.</p>
<p>INISIATIF PENAMBAHBAIKAN 2</p>	<p>Menyelaraskan caruman minimum dengan Gaji Minimum untuk memberi manfaat kepada ahli yang berpendapatan rendah dalam jangka masa panjang agar memiliki simpanan asas yang lebih banyak.</p>
<p>INISIATIF PENAMBAHBAIKAN 3</p>	<p>Melanjutkan pembayaran dividen daripada umur 75 tahun kepada 100 tahun.</p>
<p>INISIATIF PENAMBAHBAIKAN 4</p>	<p>Menyediakan simpanan persaraan patuh Syariah untuk ahli KWSP sebagai pilihan kepada mereka.</p>

4 NEW INITIATIVES

THE Employees Provident Fund is proposing these initiatives to protect those earning less than RM1,000 a month, while addressing any inadequacies in retirement savings among its members. EPF is asking feedback from its members and stakeholders for the next two weeks before tabling the findings to the board and making recommendations to the government. The initiatives are:

- Aligning the age of full withdrawal with the retirement age of 60
- Allowing members to continue enjoying annual dividends from the current age of 75 to 100 years
- Factoring gross salary into total EPF contributions
- Having a Syariah-compliant retirement savings option

Inisiatif KWSP lindungi ahli

Penambahbaikan peringkat tempoh bertukar simpanan persaraan

... (text continues) ...

Artikel Berita Harian bertajuk "Inisiatif KWSP lindungi ahli" dan artikel New Straits Times "4 new initiatives", keduanya bertarikh 21 April 2015 adalah antara contoh laporan media yang meluas tentang pelaksanaan Rundingan Ahli, yang merupakan kempen rundingan awam yang terbesar pernah diadakan di Malaysia. Artikel akhbar Kosmo "Rundingan awam KWSP ditutup" bertarikh 7 Mei 2015 adalah contoh laporan media yang mengumumkan tarikh tutup rundingan tersebut.

Rundingan awam KWSP ditutup

Sebanyak 96,448 maklum balas penambahbaikan daripada pencaram diterima

... (text continues) ...

BAHAGIAN STRATEGI

FOKUS ARTIKEL: KETELUSAN DALAM MENINGKATKAN SIMPANAN PERSARAAN AHLI

Penemuan Kaji Selidik

Sebanyak 96,448 maklum balas telah direkodkan melalui kemudahan i-Akaun. Keputusan kaji selidik ini mempunyai 0.35 peratus jidar selisih dengan tahap keyakinan pada kadar 95 peratus yang menunjukkan keputusan tersebut secara statistiknya adalah penting dan mewakili pendapat semua ahli KWSP.

Penemuan ini turut mendedahkan bahawa ahli yang lebih muda kini semakin berminat untuk mengambil bahagian secara aktif dalam perancangan persaraan mereka dengan 66 peratus responden merupakan ahli yang berumur 40 tahun ke bawah, 25 peratus berumur antara 41 dan 50 tahun, manakala 9 peratus berumur antara 51 dan 60, di mana hanya 0.2 peratus berumur melebihi 60 tahun.

Daripada jumlah keseluruhan responden tersebut, 83 peratus adalah daripada sektor swasta; 12 peratus daripada sektor awam dan badan berkanun; dan 5 peratus daripada kumpulan yang bekerja sendiri. Sementara itu, perwakilan jantina mencerminkan komposisi semasa tenaga kerja Malaysia dengan 58 peratus dan 42 peratus merupakan responden lelaki dan perempuan.

Keputusan Akhir

Kempen rundingan ini memberikan peluang kepada KWSP untuk berhubung dengan ahli-ahli KWSP bagi mendapatkan input dalam usahanya untuk menyediakan infrastruktur persaraan yang mantap bagi pekerja-pekerja di Malaysia.


Keputusan mengenai empat inisiatif tersebut seperti di bawah:

INISIATIF PENAMBAHBAIKAN 1	Sejumlah 94 peratus ahli KWSP memilih Opsyen 2, yang melibatkan pengekalan pengeluaran penuh pada umur 55 tahun, manakala caruman baharu dari umur 55 hingga 60 tahun hanya boleh dikeluarkan pada umur 60 tahun.
INISIATIF PENAMBAHBAIKAN 2	Sejumlah 74 peratus responden bersetuju dengan cadangan untuk menyelaraskan caruman minimum dengan undang-undang Gaji Minimum. Ini akan menjadikannya wajib bagi kedua-dua majikan dan pekerja mengira caruman KWSP mereka berdasarkan gaji yang termaktub dalam undang-undang Gaji Minimum.
INISIATIF PENAMBAHBAIKAN 3	Sejumlah 61 peratus bersetuju berkaitan cadangan untuk menerima dividen sehingga umur 100 tahun.
INISIATIF PENAMBAHBAIKAN 4	Sejumlah 71 peratus ahli bersetuju dengan cadangan pilihan simpanan persaraan patuh Syariah.

Kesimpulan

Pembentangan Rang Undang-Undang KWSP (Pindaan) 2015 yang merangkumi kesemua empat penambahbaikan inisiatif ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 22 Oktober 2015 dan Dewan Negara pada 16 Disember 2015.

Nota Khas: Perkenan Diraja telah diperoleh pada 4 Februari 2016 dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2016 (Akta A1504) diwartakan pada 18 Februari 2016. Perlaksanaan inisiatif ini akan dimaklumkan kepada ahli dalam masa terdekat.



PROFIL AHLI AKTIF MENGIKUT LINGKUNGAN SIMPANAN DAN JANTINA

Setakat 31 Disember 2015

LINGKUNGAN SIMPANAN (RM)	BIL. LELAKI	BIL. PEREMPUAN	JUMLAH	SIMPANAN (RM)
<1-1,000	209,121	154,669	363,790	174,314,045.53
1,001-2,000	153,366	119,710	273,076	404,214,528.49
2,001-3,000	117,966	93,176	211,142	524,083,135.26
3,001-4,000	99,174	78,628	177,802	620,553,779.63
4,001-5,000	88,336	72,031	160,367	720,497,066.30
5,001-6,000	80,187	65,938	146,125	802,928,772.09
6,001-7,000	74,280	61,159	135,439	880,093,524.04
7,001-8,000	70,722	59,707	130,429	977,605,824.84
8,001-9,000	66,568	55,011	121,579	1,032,892,352.13
9,001-10,000	62,029	53,189	115,218	1,094,076,975.65
10,001-15,000	266,159	226,948	493,107	6,116,714,193.55
15,001-20,000	213,509	186,501	400,010	6,963,564,824.95
20,001-25,000	180,131	158,356	338,487	7,596,879,179.06
25,001-30,000	157,500	137,562	295,062	8,096,978,845.41
30,001-35,000	139,714	119,934	259,648	8,426,515,414.55
35,001-40,000	125,233	105,437	230,670	8,641,098,604.44
40,001-45,000	115,488	96,212	211,700	8,986,778,950.31
45,001-50,000	104,661	83,720	188,381	8,940,232,554.82
50,001-60,000	185,810	145,366	331,176	18,166,063,853.91

LINGKUNGAN SIMPANAN (RM)	BIL. LELAKI	BIL. PEREMPUAN	JUMLAH	SIMPANAN (RM)
60,001-70,000	157,205	119,395	276,600	17,941,986,112.56
70,001-80,000	132,499	99,838	232,337	17,392,871,104.30
80,001-90,000	113,902	84,429	198,331	16,828,585,966.13
90,001-100,000	96,988	71,303	168,291	15,965,273,327.94
100,001-110,000	83,555	61,581	145,136	15,220,399,329.60
110,001-120,000	72,242	52,606	124,848	14,343,316,816.98
120,001-130,000	62,403	45,809	108,212	13,513,482,277.41
130,001-140,000	54,307	39,019	93,326	12,587,796,148.59
140,001-150,000	47,627	34,049	81,676	11,833,770,515.14
150,001-300,000	311,686	218,847	530,533	108,819,547,476.51
300,001-400,000	62,361	40,122	102,483	35,218,124,367.18
400,001-500,000	32,501	18,686	51,187	22,775,436,385.47
500,001-600,000	19,215	9,988	29,203	15,934,349,873.71
600,001-700,000	12,494	5,851	18,345	11,849,095,886.06
700,001-800,000	8,331	3,686	12,017	8,970,709,688.18
800,001-900,000	5,886	2,474	8,360	7,080,658,564.36
900,001-1,000,000	4,383	1,670	6,053	5,736,144,655.69
>1,000,000	18,867	5,591	24,458	39,844,178,563.59
JUMLAH	3,806,406	2,988,198	6,794,604	481,021,813,484.36